

Mesej jelas kepada kerajaan PH

UM- 4/3/2019 m/s: 4

■ KUALA LUMPUR 3 MAC

PAKATAN Harapan (PH) akan menjalankan proses pasca nilai bagi mengkaji kekalahan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih, semalam.

Pengerusi PH, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak menolak kerjasama antara UMNO-Pas menjadi faktor kemenangan calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi berkenaan.

“Sebelum ini apabila kita menang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 adalah kerana Pas dan UMNO tidak bersama, justeru mereka tidak berupaya mencapai angka yang bagus sehubungan itu kita menang.

“Namun begitu, sudah tentu rakyat berubah fikiran serta mempunyai pemikiran-pemikiran negatif dan wujud pihak-pihak yang secara tidak perlu melakukan provokasi untuk menaikkan kemarahan rakyat termasuk isu Nabi Muhammad SAW.

“Semua ini tidak menyumbang kepada penambahbaikan kepada negara ini. Kita harap kita tidak melakukan tindakan seumpama ini kerana ia akan membuat rakyat menjadi marah,” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan

“Semua ini tidak menyumbang kepada penambahbaikan kepada negara ini. Kita harap kita tidak melakukan tindakan seumpama ini kerana ia akan membuat rakyat menjadi marah.”

MAHATHIR MOHAMAD

Sambutan Hari Landskap Negara 2019 di sini, hari ini.


Sementara itu, Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada), **Syed Saddiq Syed Abdul Rahman** berkata, beliau akur dengan kekalahan itu kerana kuasa dan pilihan terletak pada tangan rakyat.

“Kita menghormati pilihan rakyat dan kerajaan perlu berjalan seperti biasa. Kita kena mengucapkan tahniah kepada BN dan ribuan terima kasih kepada jentera PH yang bergerak sangat aktif,” katanya.

Setiausaha Agung DAP, **Lim Guan Eng** menerima secara terbuka kemenangan BN di Semenyih dan menyifatkan keputusan itu adalah hak rakyat dalam



MAHATHIR MOHAMAD



SYED SADDIQ



LIM GUAN ENG



FUZIAH SALLEH



MOHAMMAD AGUS



MAZLAN ALI

membuat pilihan.

Guan Eng yang juga Menteri Kewangan berkata, keputusan itu juga bermakna rakyat kini akan menilai sejauh mana BN menunaikan janji dan harapan yang dibuat kepada pengundi Semenyih sepanjang PRK berkenaan.

Di Kuantan, Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) PKR negeri, **Fuziah Salleh** berkata, masyarakat hari ini terutama

orang Melayu terlalu mudah terpengaruh dengan berita palsu atau maklumat yang diputar belit dalam media sosial.

“Malah kata Ahli Parlimen Kuantan itu, jurang antara kaum tersebut dilihat bertambah besar dan ia dipisahkan dengan berita tidak benar atau separuh benar yang berbau perkauman serta agama,” katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan acara Larian Sepat di

sini hari ini.

Dalam pada itu, Pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. **Datuk Dr. Mohammad Agus Yusoff** juga berharap para menteri tidak lagi dilanda sindrom penafian, sebaliknya berusaha gigih membantu rakyat.

“Fahami kenapa undi awal, undi pos berpihak kepada BN. Fahami kenapa pengundi kampung mengundi BN. Pasti ada sebabnya. Telitilah!

“Jangan lagi dalam kalangan menteri ada sindrom penafian. Jika rakyat mengkritik, tangani kritikan mereka dengan tindakan yang jelas,” katanya dalam hantaran dalam laman Facebook beliau semalam.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Bahagian Politik dan Polisi Awam Sekolah Perdana, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr. Mazlan Ali** menegaskan, kemenangan di Semenyih telah memperkukuhkan lagi hubungan UMNO serta Pas dan momentum kemenangan dua parti ini mampu menggugat PH di PRK DUN Rantau kelak.

“Hubungan UMNO dan Pas walaupun semakin baik, namun tidak begitu stabil, saya juga tidak rasa hubungan ini boleh sampai ke tahap tahaluf siyasi. Ini kerana Pas memiliki dua kerajaan negeri yang memerlukan bantuan Persekutuan,” katanya.